

BIMBANG PENONTON SYIRIK

Mufti saran usah siar
rancangan tahyul

KUALA LUMPUR: Rancangan berunsur tahyul lebih baik tidak ditayangkan kerana dibimbangi mempengaruhi penonton sehingga membawa kepada syirik.

Sebaliknya, ia perlu digantikan dengan siaran membawa manfaat.

Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyès Abd Wahid, berkata rancangan berunsur tahyul dan karut dikuatiri mempengaruhi penonton, termasuk mereka yang tidak menonton sehingga habis rancangan.

"Menonton separuh jalan tidak sempat mendengar ulasan penerbit, yang memberi amaran supaya tidak terpengaruh dengan rancangan itu kerana ada unsur syirik. Mereka ini dibimbangi terpedaya.

"Ini kemungkinan menjejaskan akidah penonton, walaupun melalui rancangan televisyen itu ada iklan atau amaran supaya ja-



MOHD TAMYÈS...ganti siaran manfaat

ngan meniru apa yang dilakonkan," katanya, ketika diminta mengulas tindakan RTM menggantung sementara siaran rancangan Pelik Tapi Benar.

Akhbar semalam melaporkan, stesen televisyen itu menggantung sementara siaran rancangan berke-

naan kerana ia mempunyai unsur tahyul dan karut yang tidak menyumbang kepada pembangunan minda rakyat.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata antara kandungan rancangan itu yang disiarkan baru-baru ini ialah kaedah mengubat sakit kepala dengan menyandakan kepada tiang dan mengetuk tiang itu serta mengenai keris yang konon boleh berdiri sendiri.

Beliau berharap penerbit yang mendapat slot di RTM menghasilkan rancangan yang membina masyarakat berilmu dengan memuatkan maklumat berfaedah.

Rancangan Pelik Tapi Benar disiarkan pada 7.30 malam Ahad dan dihoskan pelakon, Rosyam Noor.

Mengenai stesen televisyen swasta yang mempunyai rancangan hampir serupa, Zainuddin melahir-

kan rasa kesal kerana stesen itu menyiarkan rancangan tidak bermanfaat.

Mohd Tamyès yang turut ditanya hukum menonton rancangan seperti itu, termasuk Misteri Nusantara, berkata jika orang ramai mahu melihat dengan niat untuk mendapatkan pengajaran dibolehkan tetapi pastikan rancangan itu tiada unsur maksiat.

"Satu lagi perlu memastikan rancangan itu tidak membangkitkan nafsu atau melalaikan sehingga meninggalkan tanggungjawab kepada Allah seperti solat fardu. Dalam hal ini rancangan apa pun, jika sampai melalaikan dan meninggalkan yang disuruh Allah adalah haram.

"Jika penonton menjejaki tempat atau meniru aksi pelik itu dengan tujuan mahu mencuba sekali gus mengaku ada kuasa selain Allah, ia adalah bersalahan di sisi agama," katanya.